

## Lampiran A

### Surat Kebenaran Institusi

Teh Hong Siok  
Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

18 September 2012

Dekan

*hiluskan*

Tuan/Puan,

**Permohonan untuk Menjalankan Kajian Di Jabatan Bahasa Mandarin, Akademi Pengajian Bahasa, \_\_\_\_\_.**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Saya, Teh Hong Siok sedang mengikuti program ijazah kedoktoran di Universiti Malaya dalam bidang Kurikulum dan Pengajaran. Saya ingin memohon kebenaran daripada pihak tuan/puan untuk membenarkan saya menjalankan kajian untuk memenuhi keperluan ijazah tersebut di Jabatan Bahasa Mandarin, Akademi Pengajian Bahasa, \_\_\_\_\_.

3. Tajuk kajian saya ialah “**Kesejajaran di antara Kurikulum Bertulis dengan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Mandarin di Institut Pengajian Tinggi Awam**”. Tujuan kajian adalah untuk meneliti secara mendalam proses pelaksanaan kurikulum dan pengalaman pelajar belajar bahasa Mandarin. Kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada pembangunan kurikulum dan mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin dan juga bahasa ketiga yang lain.

4. Kajian ini melibatkan beberapa pensyarah dan pelajar di jabatan tersebut selama satu semester iaitu dari September – Disember 2012. Pemerhatian kelas, temu bual akan dijalankan ke atas peserta kajian ini. Saya juga akan meneliti dokumen-dokumen berkaitan dengan kajian ini seperti silibus, bahan pengajaran bahasa Mandarin dan sebagainya. Dengan itu, saya ingin memohon kelulusan daripada pihak tuan/puan untuk membenarkan saya menjalankan kajian di jabatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Teh Hong Siok

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA _____		
TARIKH DITERIMA: 20 SEP 2012 (6)		
JABATAN	TINDAKAN	MAKLUMAN
Dekan		
Tina Othman		
Tina Othman	✓	
KPKM		
Koordinat		
Ketua Unit		
Pen. Pendaftar Keseluruhan (Pentadbiran)		✓
Pen. Pendaftar (Akademik)		
Ederan		
Fail		

## Lampiran B

### Surat Persetujuan Peserta Kajian

Kepada peserta kajian,

Saya, Teh Hong Siok sedang mengikuti program ijazah kedoktoran di Universiti Malaya dalam bidang Kurikulum dan Pengajaran. Saya mengucapkan terima kasih kerana sudi mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan ijazah tersebut.

Tajuk kajian saya ialah “**Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi**”. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti secara mendalam proses pelaksanaan kurikulum dan pengalaman pelajar belajar bahasa Mandarin. Kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada pembangunan kurikulum dan mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin.

Kajian ini akan dijalankan selama satu semester iaitu daripada September – Disember 2012. Pemerhatian kelas dan temu bual akan dijalankan untuk kajian ini. Rakaman video dan audio akan digunakan untuk pemerhatian kelas dan temu bual. Anda juga akan menulis refleksi tentang pengajaran (pensyarah) dan pembelajaran (pelajar) kelas bahasa Mandarin.

Dalam penulisan kajian tersebut, nama sebenar anda akan dirahsiakan dan nama samaran akan digunakan. Anda berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa.

Penglibatan anda dalam kajian ini amat dihargai. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Teh Hong Siok

---

### Surat Persetujuan Peserta Kajian

Dengan ini saya \_\_\_\_\_ telah membaca semua penerangan untuk kajian ini. Saya bersetuju untuk menyertai kajian yang dilaksanakan oleh Cik Teh Hong Siok yang bertajuk “**Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi**” untuk memenuhi keperluan ijazah falsah kedoktoran di Universiti Malaya.

Saya akan bekerjasama ke atas soalan-soalan yang ditanya dalam sesi temu bual. Saya memahami bahawa pemerhatian (rakaman video) dan temu bual (rakaman audio) akan dijalankan terhadap saya, dan saya juga akan menulis refleksi tentang pengajaran (pensyarah) ataupun pembelajaran (pelajar).

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

## Lampiran C

### Protokol Catatan Pemerhatian Kelas

#### Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi

Nama Pensyarah :  
Kumpulan Mandarin :  
Lokasi Kelas :  
Bilangan Pelajar :  
Tajuk Pengajaran :  
Tarikh/Hari :  
Masa :

Panduan	Catatan Pemerhatian	Refleksi
<p>(1) <b>Huraian Persekitaran</b> Persekitaran Fizikal Persekitaran Sosial Persekitaran Semantik</p> <p>(2) <b>Kemudahan, peralatan kelas, peserta kajian</b></p> <p>(3) <b>Persekitaran kelas/latar tempat/ konteks</b></p> <p>(4) <b>Peralatan pengajaran dan pembelajaran</b></p>	<p><b>Persekitaran Fizikal:</b></p> <p><b>Penyediaan pensyarah sebelum kelas bermula:</b></p>	
<p>• <b>Pelaksanaan P&amp;P</b></p> <p>Sebelum kelas bermula pengkaji memastikan kedudukan yang sesuai untuk pengkaji duduk untuk membuat pemerhatian</p> <p>Membuat pemerhatian menyeluruh suasana kelas, susunan kedudukan peserta kajian, peralatan yang digunakan oleh guru semasa P&amp;P di dalam kelas.</p>	<p><b>Pnegunaan alat untuk mengajar</b></p>	

<p><b>Pemerhatian mengikut aspek yang dikaji:</b></p> <p>Pelaksanaan kurikulum pengajaran dan respon pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan permulaan pengajaran</li> <li>• Pelaksanaan pertengahan pengajaran</li> <li>• Pelaksanaan penutup pengajaran</li> <li>• Objektif, &amp; Kaedah pengajaran</li> <li>• Aktiviti/respon pelajar &amp; Pensyarah</li> <li>• Peruntukan masa</li> <li>• Organisasi bilik kuliah</li> </ul>	<p><b>Kosa kata:</b></p> <p><b>Ayat:</b></p> <p><b>Dialog:</b></p> <p><b>Aktiviti:</b></p> <p><b>Bahasa yang digunakan:</b></p> <p><b>Reaksi Pelajar:</b></p>	
<p><b>Rumusan Pemerhatian</b></p>		

## Lampiran D

### Contoh Kod Terbuka Transkrip Pemerhatian

#### Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi

L- Pensyarah      S – Pelajar      SS – Pelajar-pelajar

Nama Pensyarah : Sophia

Tempat : K2-104

Tarikh : 07 November 2012

Masa : 12. 30 tgh

L : 3:35 中午好(*selamat tengah hari*)。 (batuk) Em em em 今天很多人(*hari ini ramai orang*)

SS : en.. 因为(*sebab*)。 。 。

L : 因为(*sebab*)。 。 。 enh ...因为(*sebab*)。 。 没有回答我是睡觉吧(*tak jawab, tidur ke*)。 。 。 nampak semua 睡觉(*tidur*) em.. em.. (batuk)...好 (*ok*), 来(*mari*), 今天我们看第八课(*hari ini kita lihat bab lapan*)。 Bab lapan 第八课 (*bab lapan*)。 (bunyi buka buku dan mesin) 。 。 。 。 。 (pelajar bercakap sendiri dengan suara yang rendah dalam bhs Melayu), seven 第八课 (*bab lapan*)。

S : 在办公室(*di pejabat*) (sebutan kurang tepat)。

L : 嗯。 (*en*)。 。 。

S : 在办公室 (*di pejabat*)。

L : Sebelum masuk 在办公室 (*di pejabat*) 第八课 ya, sebelum itu revision sikit.

S : 吉隆坡 (*Kuala Lumpur*)。

L : 6:39 吉隆坡 (*Kuala Lumpur*), 对了, 吉隆坡(*betul, Kuala Lumpur*)。 Revision tempat-tempat ya. (Pensyarah tunjuk gambar-gambar tempat pelancongan di KL). 旅游景点 (*tempat pelancongan*), gambar no. 1?

SS: Batu caves

L : Huayu (*Mandarin*)...

SS : 黑风洞 (*Batu Caves*)。

L : 黑 (*Hei*)。 。 。

SS: 黑风洞 (*Batu Caves*)。

L : Yang ini?

SS : 双, 双。 (*Shuang*)。 。

L : 双。 (*Shuang*)。

SS : 吉隆坡塔 (*Menara Kuala Lumpur*)。

L : 吉隆坡塔(*Menara Kuala Lumpur*)。 Yang ini?

SS : 双峰塔 (*Menara Berkembar*)。

L : 双峰塔(*Menara Berkembar*)。 Yang ini?

SS : 英雄纪念碑 (*Tugu peringatan pahlawan*)。

L : 英雄纪念碑(*Tugu peringatan pahlawan*)。 Yang itu?

SS : (pelajar cakap sesuatu kurang jelas )

L : Spesific, specific.

SS : 国家皇宫 (*Istana Negara*)。

L : 国家, 国家。 (*Negara, negara*)。 。 。

SS : 博物馆 (*Musium*)。

L : 国家(*negara*) dulu ke 博物馆 (*musium*)?  
SS : 国家 (*negara*)。  
L : 国家博物馆 (*Musium negara*)。 Bawah ini?  
SS : 国家皇宫(*Istana Negara*)。  
L : 国家皇宫(*Istana Negara*)。 tapi ini 国家皇宫(*Istana Negara*) lama bukan baru ya..  
Ok, yang ini? Hujung sana.  
S : Masjid.  
L : Kuat sikit.  
SS : 国家 (pensyarah jawab sama)国家回教堂 (*negara, masjid negara*)。  
L : Bawah itu? 茨(*Cichang..*)。 。 。  
SS : 茨厂街 (*Jalan Petaling*)。  
L : 茨厂街 (*Jalan Petaling*)。 Ok, So 吉隆坡有很多 apa dia(*Terdapat banyak apa di Kuala Lumpur*)?  
S : 购物中心 (*Pusat beli belah*)。  
S : 酒店 (*Hotel*)。  
L : Yang ini 购物中心(*Pusat beli belah*)。 Pusat beli belah. Ini atas sekali?  
SS : (tak jelas pelajar sebut apa)  
L : Cakap lagi ..  
SS : 高。 (*tinggi*)。 。  
L : 高。 。 。 楼。 (*tingkat tinggi*)。  
SS : 大厦 (*bangunan*)。  
L : 大厦(*bangunan*), hotel (*hotel*)?  
SS : 酒店 (*hotel*)。  
L : Last week 谁没有来上课 (*siapa tak datang kelas minggu lepas*)?  
S : 我 (*saya*)。  
L : 944 我 (*saya*)。 。 。 找你的朋友(*cari kawan awak*) enh...Cari kawan-kawan ya..Ok,  
在办公室 (*di pejabat*)。 Em (batuk ) Ok, sebelum kita kerja, kerja macam mana  
kerja  
S : 上班(*pergi kerja*)

## Lampiran E

### Contoh Catatan Pemerhatian Kelas

Tarikh : 03/10/2012 (Rabu/Minggu 4/)  
Masa : 2.00ptg - 4.00ptg  
Tempat : B5-A11-8  
Kumpulan : EHB3MA

(R&K adalah refleksi dan komen pengkaji)

Menurut skema kerja pada minggu ke 4 ini telah ditetapkan untuk mengajar bab 3 iaitu Huixiang.. Objektif yang disenaraikan dalam skema kerja pada minggu ke 4 ialah *enable student to chat about going back to hometown*. Nilai kebudayaan yang harus disampaikan adalah berkaitan dengan tulisan Cina. Dinyatakan juga pengajaran dalam kelas ialah 2 jam untuk bab ini, dan selepas kelas iaitu di luar kelas pelajar harus menggunakan 2 jam untuk mengingatkan kosa kata dan membuat ulang kaji tentang bab tersebut, diikuti dengan 1 jam untuk membuat latihan dan 1 jam untuk menulis tulisan Cina.

Saya sampai ke kelas 15 minit sebelum kelas bermula, pada masa itu Terry sudah berada dalam kelas. Setelah sampai ke kelas, saya bersiap sedia dengan alat-alat digital peranti yang perlu digunakan dan mencari tempat duduk di belakang kelas supaya tidak mengganggu perhatian pelajar.

Terdapat sebuah meja pensyarah yang terletak di hadapan kelas. Kelas dilengkapi dengan sebuah papan putih, satu jam dinding yang masih berfungsi digantung di sebelah papan putih di hadapan kelas. Penghawa dingin tidak berfungsi, cuma satu kipas berdiri terletak di depan bilik. Kemudahan teknologi yang disediakan dalam kelas ini cuma sebuah projektor yang digantung di bawah siling. Terdapat tiga lajur dengan lima baris meja di sebelah kiri kelas dan dua lajur dengan lima baris meja di sebelah kanan kelas. Selain itu, di belakang kelas mempunyai lebih kurang 10 buah meja kecil dipasang pada kerusi yang diatur pada satu garis yang panjang.

R&K: Keadaan fizikal kelas ini kurang baik. Kelas terlalu kecil untuk

memuatkan 32 orang pelajar, penghawa dingin tidak berfungsi dan cuma mempunyai sebuah kipas dinding di hadapan kelas, maka agak panas di belakang kelas. Kelas ini tidak mempunyai komputer, maka pensyarah perlu membawa komputer riba sekiranya memerlukan kemudahan berkenaan. Secara keseluruhannya bilik ini kurang kemas. Namun, pelajar kelihatan ceria dan duduk dengan senyap sebelum kelas bermula. Apabila Terry mula mengajar pada pukul 2 petang, ramai pelajar masih belum datang lagi, kebanyakan pelajar kelas ini tidak menepati masa.

Kelas ini dimulakan dengan membincang latihan dalam buku teks pada bab yang ketiga. Untuk latihan 1, pensyarah memanggil nama pelajar untuk menjawab soalan. Apabila pelajar di depan kelas menjawab soalan, pelajar di belakang kelas tidak dapat mendengar apa yang dijawab oleh kawannya. Latihan seterusnya ialah Terry yang membaca soalan, pelajar menjawab bersama-sama. Setelah habis membincang latihan dalam bab ketiga, pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk menghafal dialog dalam bab ketiga secara sukarela. Ini adalah kerja rumah minggu lepas. Seorang pelajar yang sukarela melakukan aktiviti ini, seterusnya pensyarah memanggil dua orang pelajar untuk membuat latihan ini. Semasa pelajar menghafal, pensyarah membetulkan sebutan pelajar.

R&K: Menurut skema kerja, hari ini sepatutnya mengajar bab 3. Ini bermakna pensyarah telah mengajar lebih cepat daripada yang ditetapkan. Apabila pelajar yang duduk di hadapan menjawab dengan suara yang lembut, pelajar di belakang kelas mendiamkan diri sahaja tanpa memberitahu dan pensyarah juga kurang peka terhadap hal tersebut.

Saya berasa cara menghafal dialog dari buku teks bulat-bulat berseorangan ini kurang sesuai dan terlalu tegar. Ini kerana seorang pelajar akan menghafal dua watak dalam dialog, maka tiada komunikasi berlaku. Lebih baik dua orang yang bertutur dan perubahan boleh dilakukan supaya pelajar boleh melatih kemahiran mendengar dan bertutur.

Seterusnya pensyarah mengajar bab 4.



## Lampiran F

### Protokol Temu Bual Pensyarah

#### Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi

Nama Pensyarah :

Kumpulan Mandarin :

Tarikh :

Masa :

Tempat :

Garis panduan Temu Bual	Catatan	Komen/Isu/Refleksi
<p>Membina <i>rapport</i></p> <p>Mewujudkan suasana kemesraan sebelum soalan kajian dimulakan dengan menfokus kepada soalan latarbelakang</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Latar belakang<ul style="list-style-type: none"><li>Umur/Negara/Kelulusan akademik</li><li>Mengapa memilih untuk mengajar bahasa Mandarin di sini</li></ul></li><li>Berapa lama anda telah mengajar di institusi ini?<ul style="list-style-type: none"><li>Berapa jam seminggu?</li></ul></li><li>Pengalaman mengajar bahasa Mandarin anda?</li><li>Pada pendapat anda, apakah kurikulum?</li><li>Adakah anda mempunyai dokumen-dokumen kurikulum untuk kursus yang diajar?</li><li>Apakah dokumen-dokumen yang ada?</li><li>Adakah anda merancang pengajaran sebelum kelas? Bagaimana?<ul style="list-style-type: none"><li>Kaedah</li><li>Objektif</li><li>Bagaimana menilai adakah pengajaran itu erjaya?</li></ul></li></ol>		

<p>8. Tahukah apakah objektif kursus ini?/ apakah pencapaian pelajar yang diharap dalam kelas awak?</p> <p>9. Adakah awak menggunakan bahan yang ditetapkan ataupun tukar bahan pengajaran? (kalau tukar) bagaimanakah awak mengadaptasi bahan pengajaran awak?</p> <p>10. Pada pendapat anda, adakah Kurikulum Mandarin ini sesuai dengan pelajar?</p> <p>11. Adakah anda anggap Mandarin adalah penting sebagai sebahagian dpd kurikulum institusi? Mengapa?</p> <p>12. Setelah pelajar tamat kursus Mandarin di sini, perlukah ia diteruskan ataupun ada kusus lanjutan daripada kursus ini?Mengapa?</p> <p>13. Apakah yang anda harus ada untuk mengajar Mandarin dengan baik, ataupun belajar untuk mengajar Mandarin?</p> <p>14. Pernahkah anda melalui latihan ataupun latihan dalam perkhidmatan tentang Mandarin ini? Sila terangkan. ( kekerapan, kandungan, perhubungan dll)</p> <p>15. Bila anda ada masalah/soalan tentang bagaimana lakukan, ataupun segala masalah tentang Mandarin, siapakah yang awak rujuk?</p> <p>16. Pernahkan anda terlibat dalam mereka kurikulum ?</p> <p>17. Apakah pendapat anda tentang kurikulum kursus ini?</p> <p>18. Kalau anda dipertanggungjawab untuk mereka kurikulum Mandarin, apakah satu atau dua perkara yang paling penting yang awak akan kenalpasti supaya kurikulum yang dibentuk sesuai dengan pelajar di sini?</p>		
--	--	--

<p>19. Kalau awak dipertanggungjawab untuk melaksanakan kurikulum Mandarin, apakah satu atau dua perkara yang paling penting yang awak akan kenalkan supaya kurikulum dilaksanakan dengan baik?</p> <p>20. Sekiranya pelajar anda tidak faham apa yang disampaikan oleh anda dalam kelas, apa akan anda lakukan?</p> <p>21. Pada pendapat anda, adakah pelajar anda mencapai objektif kurikulum kursus ini?</p> <p>22. Pada pendapat anda, adakah pelajar minat tentang kursus ini, dan adakah minat mereka akan berterusan? Berikan contoh.</p> <p>23. Adakah bahan pengajaran menepati keperluan pelajar?</p> <p>24. Apakah cabaran yang paling besar untuk mengajar bahasa Mandarin di sini? Apakah cadangan anda.</p>		
---	--	--

## Lampiran G

### Protokol Temu Bual Pelajar

#### Kesejajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institusi Pengajian Tinggi

**Nama Pensyarah** :

**Kumpulan Mandarin** :

**Lokasi Kelas** :

**Nama Pelajar** :

**Tajuk Pengajaran** :

**Tarikh/Hari** :

**Masa** :

Panduan	Catatan Pemerhatian	Refleksi
<p>Bahagian A:</p> <p>Membina <i>rapport</i></p> <p>Mewujudkan suasana kemesraan sebelum soalan kajian dimulakan dengan menfokus kepada asoalan latarbelakang (R).</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Umur</li><li>• Tempat tinggal</li><li>• Grade Mandarin, puashati dengan pencapaian</li><li>• Semester</li><li>• Bidang program</li><li>• Sebab memilih Mandarin</li><li>• Apa yang diharapkan tentang kursus ini</li></ul> <p>Bahagian B:</p> <p>Pengalaman pelajar dalam kelas</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Adakah kamu faham apa yang diajar oleh guru?</li></ol>		

<p>2. Apakah yang telah anda belajar dalam kelas tadi? Perkara yang paling penting yang dipelajari dalam kelas?</p> <p>3. Apakah perasaan anda semasa berada dalam kelas?</p> <p>Bahan pengajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kandungan pembel.terlalususah/senang</li> <li>• Kandungan praktikal untuk kehidupah harian</li> </ul> <p>Pensyarah: Apa yang awak suka/tidak suka tentang cikgu ini</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyampaian (susunan bahan, kaedah)</li> <li>• Stail penglibatan</li> <li>• Suasana</li> </ul> <p>4. Apakah aktiviti yang paling anda suka dan tidak suka dalam kelas Mandarin?</p> <p>5. Adakah anda berpeluang bertutur Mandarin dalam kelas?</p> <p>6. Adakah kamu sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti kelas? Kenapa?</p> <p>7. Apakah perasaan anda ketika guru memanggil nama awak untuk menjawab soalan?</p> <p>8. Adakah anda faham bahasa Mandarin yang ditutur oleh guru anda?</p> <p>9. Apakah kesusahan yang anda hadapi?</p> <p>10. Adakah anda mempunyai cara/kaedah keistimewaan yang dapat membantu anda belajar Mandarin?</p> <p>11. Bagaimana anda belajar bahasa Mandarin?</p> <p>12. Sekiranya anda tidak faham sesuatu yang diajar oleh guru, apa yang akan anda lakukan?</p> <p>13. Adakah 2 jam seminggu adalah mencukupi? Mengapa?</p>		
---	--	--

<p>14. Sekiranya terdapat lebih daripada 2 jam/minggu, adakah ia dapat mempertingkatkan keupayaan pertuturan bahasa Mandarin anda?</p> <p>15. Pernahkan anda menggunakan apa yang dipelajari dalam kelas dalam kehidupan harian anda?</p> <p>16. Adakah apa yang awak pelajari dalam kelas Mandarin adalah berguna untuk masa hadapan anda? Mengapa?</p> <p>17. Perkara yang paling banyak anda pelajari dalam kelas adalah daripada penyampaian pensyarah/aktiviti kelas/ buku teks? Adakah anda suka cara itu?</p> <p>18. Adakah buku teks dapat membantu anda mempelajari bahasa Mandarin?</p> <p>19. Adakah penilaian untuk kursus ini sesuai? Mengapa?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuiz online (10%)</li> <li>• Oral berpasangan (10%)</li> <li>• Oral 2 (20%)</li> <li>• Ujian mendengar (20%)</li> <li>• Ujian Bertulis (10%)</li> <li>• Projek Bahasa (30%)</li> </ul> <p>20. Jika kamu menjadi guru Mandarin, apa yang kamu akan lakukan agar P&amp;P menjadi lebih menarik?</p> <p>Bahagian C:</p> <p>Di luar kelas Mandarin</p> <p>21. Adakah anda membua tulangkaji sebelum anda menghadiri kelas?</p> <p>22. Bagaimana anda belajar di luar kelas</p> <p>23. Berapa lama anda belajar setiap kali di luar kelas?</p> <p>24. Pernahkan anda bertutur dengan penutur natif?</p>		
---	--	--

<p>25. Adakah kamu akan memperkenalkan kursus ini kepada kawan awak? Bagaimana anda akan menceritakan tentang jursus ini?</p>		
---	--	--

## Lampiran H

### Contoh Kod Terbuka Transkrip Temu Bual

Nama Pelajar : Lisa  
Tempat : MC 4019  
Tarikh : 1 Oktober 2012  
Masa : 11.00am

R – Pengkaji                      S -Pelajar

S : Masalahnya saya tak menggunakan bhs Mandarin sebab saya sdr yg saya rasa saya malas, mgk saya tak hafal lg vocabulary, jadi saya tak yakin utk bercakap. Itu masalah I, masalah I memang tak yakin sebab saya tak ingat vocabulary.

R : Drp pendapat drp percakapan Amirah tadi, maksudnya kalau dah bertutur mesti hafal vocab terlebih dahulu?

S : Mesti tahulah apa yg kita nak cakap. Kalau ialah kalau saya nak cakap nanati saya tak ingat apa kan, macam kita tahu vocabulary kita salah sebut org boleh betulkan, tapi kita tak tahu org pun tak tahu kita nak cakap apa.

R : Jadi maksudnya Amirah faham kena hafal vocab baru boleh bertutur ngah?

S : Em.

R : Tapi masalahnya...

S : Saya sdr tak hafal ....

R : Belum lg hafal.

S : Belum lg hafal.

R : Em, ok so itulah kegunaan bhs Mandarin di luar kurang lah. Ok, di dlm kampus?

S : Dlm kampus saya guna dlm kelas saja lah, kelas Mandarin.

R : Kelas saja ngah blj Mandarin. Ok, er bagaimanakah Amirah blj di luar bilik kuliah blj bhs Mandarin?

S : Blj bhs Madnarin di luar bilik kuliah er kan buku teks buku ada CD, jadi saya dgr CD terutamanya saya macam kalau ada speaking test semua itu kan, macam listening test saya nak dgr kena pasti betul ke salah saya tengok buku teks dan saya dgr betul-betul CD itu ulang-ilang kali lah. Macam kalau saya nak cakap masa saya jumpa kawan yg pandai bhs Mandarin saya itulah, dgr saya cakap betul ke tidak, macam itu.

R : Jadi em adakah maksud Amirah itu semua utk persediaan peperiksaan.



S : Utk peperiksaan dgn assignment di luar kelas.

R : Ok, jadi kalau tak ada peperiksaan pd minggu itu adakah Amirah akan buat ulangkaji.

S : Buat jg sebab ada apa ni homework, ada homework memang kena buat. Itu pun kalau saya tak buat macam saya tak buat semua pun nanti saya lupa semua nanati dtg kelas gelebar, tak tahu apa-apa.

R : Jadi brp kali er Amirah buat ulangkaji seminggu?

S : Seminggu sekali atau dua kali.

R : Satu atau dua kali lah. Biasanya bila?

S : Biasanya kalau saya byk masa kalau saya tak sibuk memang saya buat awal-awal maksudnya macam kelas Madnarin hari Rabu hari Ahad atau Isnin saya sudah buat, tapi kalau saya busy memang Selasa malam itu baru saya nak buat.

R : Jadi bermaksud sebelum masuk kelas.

S : Er ia bergtg kpd brp masa yg ada dgn brp byk kerja lain jg yg ada.

R : Jadi bagaimanakah satu dua jam itu er apakah yang Amirah buat?

S : Satu dua jam itu saya buka buku teks lepas itu mula-mula saya akan tengok vocabulary dulu lah dgn apa yg nota saya catat drp nota tambahan drp laoshi bg dlm kelas, lepas itu saya baca baca teks yg perbualan itu kemudian baru saya jawab er soalan yg ada, kalau ada assignment yg kena buat kan. Biasa ada assignment, tiap-tiap minggu ada. Ada latihan, saya baca dulu lah bila kalau soalan itu sama dgn apa yg kita dah baca dlm teks kan jadi saya get apa ni saya familiar dulu dgn teks itu baru saya jwb soalan. Kalau saya tak tahu macam mana nak apa ni sebut saya tanya Mazlina sebab satu bilik dgn dia, kalau dia tak tahu jg dgr CD lah.

R : So selain drp buku teks dengan CD yg ada dpd material yg beri dlm kursus ini apakah sumber lain yg Amirah gunakan utk ada tak?

S : Saya ada satu buku Mandarin “Make Easy” tapi saya tak tahu author nya, dlm buku dia memang ada amcam dia lagi luas lah drp buku teks kan macam dlm buku teks cth kita conversation dgn org kita pergi shopping mall, pergi pasar semua kan, tapi dlm buku itu ada yg pergi hotel, lapangan terbang , lebih international dia punya konsep buku itu. Itu buku tambahan lah. Ada satu saja lah, saya tak beli byk-byk. Sebab kalau saya tak baca satu itu pun macam mana saya nak baca byk kan.

R : Apa lain lg, sumber lain?

S : Sumber lain tak ada selain drp buku itu dgn kawan-kawan yg pandai Mandrin lah ngah.

R : Tak ada macam tengok TV ke ngah...

S : Oh, saya jrg saya jrg tengok TV.

R : Blj dgn lagu ke? Lagu pun tak ada.

S : Saya jrg, saya tak, saya memang jenis suka membaca, tak suka tengok movie ke, dgr..

R : Maksud macam itulah jadi Amirah you blj dgn buku lah.

S : Dgn buku bila tak faham tanya bercakap dgn siapa yg pandai.

R : Jadi pd pdpt Amirah adakah mencukupi kalau utk berlatih atau blj sampai boleh bertutur dan mdgr dlm bhs Mandarin dgn cara Amirah blj yg ada sekrng?

S : Ok, pd saya kalau setakat tengok buku dgn cakap dgn org saja memang ngah kita akan dpt basic saja lah ngah. Kalau nak pandai betul-betul memang kena dgr lagu atau tengok cerita kan. Sebab tapi dgn cerita kan dia cakap laju kan, dia native speaker dia apa ni pengguna bhs pertama Mandarin jadi kita bhs Mandarin sbg bhs kedua atau ketiga ni tak dpt nak tangkap jelas sebab itulah kena mula dr awal dgn buku, dgn latih bercakap baru boleh tangkap dgn jelas apa yg dia bercakap dlm lagu atau cerita. Jadi kalau saya kalau saya blj saya blj dgn buku tanya-tanya kawan je saya hanya dpt yg paling asas, kalau nak betul-betul pandai memang kena dgr byk-byk. Kena apa ni dekat kan diri dgn bhs itu.

R : Bagaimana rapat Amirah?

S : Kalau nak betul-betul master bhs Mandarin mula-mula kita blj yg basic dulu semua dlm buku semua kita tahu vocabulary lepas kita pd masa yg sama kita practice cakap, practice cakap betulkan semua kesilapan sebutan lepas itu kita kena apa ni tajamkan deria pdgran kita thdp bhs tsbt ini.

R : Praktikkan percakapan dgn siapa?

S : Praktikkan percakapan dgn native speaker dgn pengguna Mandarin sbg bhs pertama.

R : Pd pdpt Amirah adakah org spt begitu di sekitaran Amirah?

S : Ada.

R : Ada ya, tapi Amirah tak ...

S : Tapi dia jauhlah, masalahnya jaraknya dgn saya, jarak dgn masa, kesempatan nak berjumpa itu sebab selalu kalau terjumpa pun macam jumpa tengah jln saja, hai nak pergi mana, saya nak pergi kelas, saya nak pergi kelas jg, cakap macam itu je lah. Sebab kalau nak jumpa betul-betul jumpa em biar kita jumpa borak-borak semua kan memang tak ada masa, sebab semua makin busy kan, makin naik semester makin busy.

R : So drp percakapan Amirah itu bhw Amirah tahu bila you mengambil kursus ini you nak bertutur bhs Mandarin, tapi skrg Amirah sudah masuk ke kursus yg terakhir iaitu level tiga utk bhs Mandarin, tak lama lg Amirah akan tamatlah utk pengajaran bhs Mandaarin. Pd pdpt Amirah, adakah Amirah boleh bertutur bhs Mandarin tak slp kursus ini tamat?

S : Kalau saya betul-betul menghafal vocabulary dlm masa satu semester yg singkat ini saya usaha betul-betul saya yakin saya boleh bertutur er bhs Mandarin tapi setakat yg saya telah blj, terhad kpd apa yg saya blj saya boleh bertutur sebab cara semua laoshi ajar memang tak ada masalah utk plj itu boleh bercakap, skrg terpulang kpd plj sama ada dia nak usaha atau tak nak usaha. Jadi kalau saya ada usaha saya boleh buat, kalau saya tak berusaha memang saya tak boleh bercakap.

## Lampiran I

### Contoh Pengesahan Ketepatan *back-translation* Temu Bual

Semakan Terjemahan Temu Bual Hanna Daripada Bahasa Mandarin Kepada Bahasa Melayu

Rujukan	Teks asal	Terjemahan	Catatan
TB1/Hanna/Sbb. mml/Ruj.2	...作为一个就是说我透过自己, 也了解自己, ...我知道我是一个能够学得很快, 然后能够用心去做的一个新的人...	... saya faham diri saya sendiri... saya tahu saya dapat belajar dengan cepat dan boleh fokus untuk melakukan sesuatu perkara yang baru	
TB1/Hanna/Sbb. mml/Ruj.4	....当我训练这些学生的时候, 首先呢我觉得真的就是说...就是说其实这个事情是被我们不管从信仰还是我们一个女性的角度, 原意去深入的指导他们...因为有时候我教学的时候我会感觉到, 有深刻的感觉到, 就是说自己, 光说你是一个, 是一个成熟的, 有爱心的人, 但是当我开始接触那么多孩子, 不同性格, 甚至跟我不同文化的时候, 我要去解读他们, 这我能真正感觉到我要去深入的去, 真诚去面对这些东西。	... <del>maka</del> semasa saya mengajar pelajar di sini... pertama sekali perkara ini tak kira agama atau sebagai seorang wanita, sudi membimbing mereka secara mendalam... ini adalah kerana ada kalanya semasa mengajar saya berasa <del>setakat</del> <sup>benar-benar</sup> menyatakan diri sendiri ialah seorang yang matang, penyayang, <sup>ayabika</sup> tapi bila saya mula bergaul dengan budak-budak yang berlainan sikap, mempunyai kebudayaan yang berbeza dengan saya, saya ingin memahami mereka, saya menyedari bahawa saya harus menghadapi perbezaan budaya tersebut <sup>dengan</sup> secara jujur dan ikhlas.	
TB1/Hanna/Pdgg /Ruj.3	...我其实, 平常我也是很用心的一个愿意去学, 愿意去观察的人, 所以说其实东西都有, 就是说, 那整个就是我要去 em...em..我要去看一下。你想对外对外教学的一个体系还有中国, 他也其实还有很多不管是网站, 那还有就是说我也有去问, 那现在足以成为一个专业了。那朋友我有去跟他们商议...	...sebenarnya, saya adalah seorang yang <sup>sudi belajar</sup> mengambil berat tentang pembelajaran dan orang yang sentiasa memberi <sup>membuat</sup> pemerhatian penuh, sebenarnya semua benda sudah ada, saya cuma perlu em ...em saya perlu membaca dan rujuk. .... Sistem pengajaran bahasa Mandarin kepada penutur bukan natif dan juga di negara China, terdapat banyak laman sesawang, <sup>ia telah</sup> menjadi satu bidang profesional, saya juga berbincang dengan kawan..."	
TB1/Hanna/Pdgg /Ruj.11	那其实我第一课的确是很紧, 其实很多内容, ...然后这样我有去看到他们说 OK, 速度还可以, er 就是说之前他们说速度还可以, 那我	sebenarnya bab 1 memang sangat <sup>ketat</sup> terdapat banyak isi kandungan...tapi pelajar memberitahu saya mereka dapat menerima kelajuan seperti <sup>pengajaran</sup> begitu... saya telah memberitahu	<sup>membabarkan</sup>

	说, 我就有跟他们交待说, 我老师每下一堂, 我每回都会有个承前接后嘛, 那, 我跟他们有说过, 老师下一堂会给你们介绍一点点汉语, 然后也会介绍一个语法给你...	pelajar supaya membuat persiapan apa yang saya akan sampaikan untuk kelas akan datang dan membuat ulangkaji untuk kelas sebelumnya...	
TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.10	...有时候比如说这个班, 这个班, 那些学生, 那, 平常我也有去问他们说, 你觉得我快啊, 还是慢啊, 还是说你们接收不了, 那他们说还OK	... contohnya kelas ini, saya selalu tanya pelajar, pengajaran saya agak laju ataupun perlahan, ataupun kamu semua tidak dapat menerima apa yang disampaikan saya, mereka kata ok..	
TB3/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.3	...对于我来说, 我从来不局限于书, 那样那样的话我觉得我何必要当一个讲师呢, 我来当讲师我是要让他们得到更充分的得到一些知识, 是吧?	...bagi saya, saya tidak terhad kepada bahan dalam buku saja, kalau begitu tidak perlu menjadi cikgu, peranan cikgu adalah membekalkan pengetahuan seberapa banyak yang boleh, betul tak?	penyarah penyarah
TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.1	就说当然我是比较喜欢让他们感觉到“你读到什么, 你懂什么, 你想说什么, 你知道怎么去说”。	Saya lebih suka biar mereka memahami “apa yang awak belajar, apa awak faham, apa awak ingin bercakap dan mengetahui bagaimana hendak bercakap”.	
TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.2	...是觉得他听懂了你在教什么, 但是我觉得我没机会说, 老师。	saya berasa dia memahami apa yang awak sampaikan, tapi saya berasa saya tidak ada peluang untuk bertutur, ‘laoshi’.	
TB3/Hanna/Pdgn.kurr/Ruj.2	所以就说我觉得完全能够达到, 然后完全能够开始说一些, 甚至能够听一些, 完全能够做得到...	Maka saya berasa memang boleh mencapai, memang boleh mula bertutur sedikit, malahan faham sedikit percakapan orang lain, memang boleh mencapai...	
TB1/Hanna/Kurr.tgp/Ruj.2	...也有说对后来考试的一些规划, 这一些就说有一些导向, 哪些是重点, 哪些是我们就是应该 cover 掉的	termasuk rancangan dan panduan untuk ujian-ujian, apa yang penting, apa yang harus diajar	
TB1/Hanna/Obj.kus/Ruj.2	...然后我觉得我非常专注于告诉他们懂得你在说什么, 你要怎么去组织你的讯息量, 传达给用中文给传达出来, 这个就是那也可能是这几个学期的积累吧...	Saya menfokus untuk memberitahu pelajar memahami apa yang dicakap, bagaimana menyusun maklumat yang ada untuk disampaikan dalam bahasa Mandarin, ini adalah pengalaman saya setelah mengajar beberapa semester...	apa yang saya fokus dan titik berat-kan

TB3/Hanna/Pdgg /Ruj.3	这个我现在还达不到，其实一个小时我做我也尝试过往里加，但是很难，可能都说十分钟，二十分钟就已经就还就但现在我没统计，就是觉得好像就已经按照实况说上就已经挺不错的了。	Setakat ini saya masih tidak mencapai (mencari masa untuk biar pelajar bertutur dalam kelas),sebenarnya satu jam saya pernah cuba masukkan tetapi agak susah. Sekiranya mempunyai masa selama 10 minit hingga 20 minit untuk pelajar bertutur sudah dikira agak baik tapi ini tidak termasuk dalam rancangan pengajaran saya sekarang. Saya berasa sekiranya dapat beertutur mengikut keadaan dalam kelas sudah cukup baik.	
--------------------------	--	---	--

→ penglibatan pelajar

↓  
kesesuaian



**Associate Professor Liau Lay San**  
Academy Of Language Studies  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor.

## **Lampiran J**

### **Contoh Jurnal Pelajar**

Date: Wednesday, March 6, 2013, 5:52 PM

#### **REFLECTION ESSAY**

I was very pleased with my result because I got an A. I was hoping that I could maintain my grade and I did. It was a trying semester because the vocabulary in semester 1 and 2 were used in the third semester. On top of that, I needed to learn the vocabulary in the third semester's syllabus.

I do not think that my results reflected my ability to converse in Mandarin. I think it only reflects the vocabulary that I know. Since I do not practice spoken Mandarin, I do not think that I can converse well in Mandarin despite how fluent I sound.

However, I did not practice as I should during the holidays. Perhaps, it was because that Mandarin was a compulsory course that I have to take for my studies. Learning on my own, I find that I am not as motivated as I was when I was studying in the classroom. I tried looking into the website that laoshi suggested but only searched for it once because I've forgotten the name of the website when I wanted to search for it the next time. I have books at home to help me learn Mandarin but I felt compelled to spend my time more on media entertainment than studying Mandarin. As I stated earlier, I find I am less motivated when I am not in a classroom environment.

I do not know if I will be able to master Mandarin since I am not making time for myself to learn. Perhaps, if I had some sort of syllabus to search for on the internet, I would search for it. I think it would be easier if I had a syllabus to follow because that would mean that I have an objective and I would work towards achieving the objective.

Date: 21 . 9 . 2012

## Sebelum kelas bermula

- Saya melakukan persiapan sebelum masuk ke kelas dengan menghafal perkataan - perkataan mandarin yang baru. Tetapi saya tidak dapat menghafal banyak dan tidak dapat memberi perhatian yang sepenuhnya kerana ada kerja lain yg perlu dibuat

## Selepas kelas tamat

- Banyak benda baru yang dipelajari
- mula mengenali tulisan mandarin. setiap simbol mempunyai makna yang tersendiri
- laochi mengulang kembali perkataan - perkataan mandarin pada peringkat 1 dan 2
- belajar mengenai pembelian di pasar utk membeli barang


## Komen .....

- 1) laochi bercakap mandarin terlalu laju menyebabkan saya sukar untuk mengikuti apa yg dicakapnya
- 2) Input yang diberi terlalu banyak iaitu mengenai tulisan mandarin, pergulangan perkataan<sup>2</sup> mandarin pada peringkat 1 & 2, dan pembelajaran mengenai kos kata mandarin yang baru. bagi pendapat saya, laochi perlu fokus 1 sahaja perkara yang ingin diajar. Hal ini bagi saya lebih bermakna kerana pelajar dapat fokus hanya pada satu perkara sahaja. Dikhawatiri apa selainnya input terlalu banyak, pelajar tidak dapat fokus dan menguasainya.




## Lampiran K

### Rangka Kajian



## Lampiran L

### Prosedur Pengendalian dan Penganalisis Data



# Lampiran M

## Contoh Mengekod dan mengkategori

The screenshot displays the NVivo 10 software interface. The top menu bar includes File, Home, Create, External Data, Analyze, Query, Explore, Layout, and View. The ribbon contains various tools for workspace, item, clipboard, format, paragraph, styles, editing, and proofing.

The **Nodes** pane on the left shows a tree structure:

- Nodes
  - Cases
  - Free Nodes
  - Tree Nodes
  - Relationships
  - Node Matrices

The **Tree Nodes** table lists the following nodes:

Name	Sources	References	Created On	Created By	Modified On	Modified By
Pengalaman bli	8	54	4/21/2013 1:59 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Bab tt	9	43	4/21/2013 2:35 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
fizikal kelas	3	4	4/27/2013 3:30 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Persediaan peperiksaan	9	18	4/21/2013 3:43 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Halini	1	1	4/21/2013 1:59 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Cogn	5	25	4/21/2013 1:59 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Latar Belakang	3	12	4/21/2013 1:59 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH
Harapan tin kursus	2	4	4/21/2013 1:59 PM	MAY	12/16/2013 2:09 PM	TEH

The main text area shows a document with two references coded:

Reference 1 - 95.89% Coverage

Hari ini saya dapat satu lagi pengalaman baru. Bukan pengalaman jugak la sebenarnya. Tapi saya belajar bahasa Mandarin luar dari bilik kuliah. Saya belajar satu perkataan daripada penjual buku di kedai buku seksyen 7. Sementara menunggu kawan saya membeli barang mereka, saya pergi dekat penjual buku dan bertanya "Laoban funny dalam sebutan Mandarin apa?" Dia menjawab "young". Ok, a new word. Saya tidak pernah mendengar perkataan ini dalam kelas. Xixie laoban.

Reference 1 - 72.88% Coverage

Ha ha. Lepas makan malam tadi, saya ada menonton drama Taiwan. Dalam drama itu mereka ada cakap pasal kapal terbang. Kapal terbang dalam bahasa Mandarin ialah feiji. Saya tidak faham dialog mereka, tapi saya ada dengar mereka bercakap pasal feiji. Bila saya tengok translation, betul la mereka cakap pasal kapal terbang. Tiba tiba saya tersenyum sendirian. Saya teringat yang kawan saya cakap dengan kuat feiji itu fei. Saya pun terfikir hal yang

The bottom status bar shows: TEH 209 Items Sources: 0 References: 54 Unfiltered. The system tray at the bottom right shows the date and time: 4:44 PM 12/29/2013.

Pencapaian untuk akademik, memang mencapai, cuma untuk selepas dia graduated atau di luar akademik itu belum mencapai sepenuhnya.

• **Cdgn ttg kursus ini**

<Internals\Temu Bual Pensyarah\Sophia\TB.Sophia 3> - § 1 reference coded [2.70% Coverage]

Reference 1 - 2.70% Coverage

L : Er..plj skrg nampak minat menulis lebih minat menulis mgk kita boleh masuk elemen menulis sebab kalau percakapan itu mgk yg basic, kita mgir macam mana byk pun yg ia bercakap pun betul betul basic cthnya greeting, nama awak siapa, tapi bila tanya pukul brp, dr sini ke sana brp jauh semua bila habis kursus ini dia memang tak brp nak boleh converse. Lepas itu mendengar er ..er.. mdgr dia org kebanyakan dia org skill mdgr wlp slp grad masih er masih ada, sebab dia org selalu menonton TV bila tengok TV ada mention benda -benda itu dia boleh ingat, sebab boleh recall balik. Sebab nak masuk menulis, dan satu lg sebab kalau pergi jalan di mana dia kata tak ada simbol hanyu pinyin, hy karakter, kdg kdg dia lebih eger nak tanya ttg karakter drp sebutan dgn maksud sebab dia kita boleh masuk elemen ini.

<Internals\Temu Bual Pensyarah\Sophia\TB.Sophia1> - § 3 references coded [4.23% Coverage]

Reference 1 - 0.47% Coverage

L : Tapi secara kita boleh buat kursus yang lebih advanced. Kita sampai elementary saja, tahap 3 mungkin boleh adakah kursus yang khas lagi, khas untuk pelajar, itu saja.

Reference 2 - 2.68% Coverage

L : Bagi saya dia patut diteruskan lagi ataupun pada satu tahap yang lebih tinggi pada masa itu pelajar tidak di beban dengan subjek subjek lainlah, sebab bahasa ini sangat berguna, sebab mereka tak boleh bertutur sebab dia tak diguna, selepas mereka dah graduate antara sebabnya dia belajar terlalu awal sebelum graduate. Maksudnya selepas ia habis ketiga-tiga tahap ini dia ada subjek subjek lain untu diambil. Biasanya dia ambil masa part 2, part3 part 4, part 5, part 6 dia masih ada subjek lain, maka dia belajar bahasa Mandarin awal awal, bila graduate, level 1, level 2 level 3 itu dia dah lupalah. Sepatutnya part 5, part 6 sebelum graduate itu, kalau subjek tak banyak cuma buat tesis sajakan, dia tak ada beban berat untuk subjek lain, mungkin itu masa yang sesuai untuk mereka kut. Sebab bila graduate sekurang-kurangnya dia masih ingat apa yang mereka belajar. Kalau tak after a year dia nak recall apa yang sudah belajar ketiga-tiga tahap itu mungkin agak sukarlah.

Reference 3 - 1.09% Coverage

L : Kalau sebab objektif kita sekadar komunikasi kita akan tekankan komunikasi.

R : Bagaimana?

L : Contohnya kita ada term term yang dah ada, kita mungkin peruntukan masa khas untuk pelajar membuat aktiviti perbualan, pensyarah sebagai pemerhati, ataupun membuat public speaking.

R : Dalam Kelas.

L : Ataupun kita peruntukan sedikit masa, mungkin tak semua pelajar tapi kita akan take turnlah.

• **Penilaian**

<Internals\Temu Bual Pensyarah\Hanna\TB 3. Hanna> - § 2 references coded [0.62% Coverage]

Reference 1 - 0.22% Coverage

scr amnya blj memang ada tekanan, pelbagai ujian jg paksa mrk mencapai sesuatu matlamat,















## Lampiran O

### Jejak Audit

No	Peringkat Kajian	Langkah	Bukti
1.	Mencari tajuk kajian dan membentuk rangka kajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Eksplorasi kajian lepas</li> <li>ii. Pembacaan buku-buku dalam bidang</li> <li>iii. Berbincang dengan penyelia</li> <li>iv. Bercakap dengan rakan sebaya secara tidak formal</li> <li>v. Menjalankan kajian berkaitan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Literatur kajian</li> <li>ii. Pembentangan kertas kerja</li> <li>iii. Penerbitan kertas kerja</li> </ul>
2.	Persediaan untuk Mengumpul Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat Kebenaran Menjalankan Kajian</li> <li>ii. Pemerhatian Kelas</li> <li>iii. Temu Bual</li> <li>iv. Panduan Soalan Temu Bual</li> <li>v. Analisis dokumen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat Sokongan Dekan</li> <li>ii. Surat Persetujuan</li> <li>iii. Protokol Pemerhatian Kelas</li> <li>iv. Protokol Temu Bual</li> <li>v. Protokol Panduan Soalan Temu Bual</li> <li>vi. Protokol Analisis Dokumen</li> </ul>
3.	Mengumpul Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Analisis Dokumen</li> <li>ii. Catatan Lapangan Kajian</li> <li>iii. Rakaman Video Pemerhatian Kelas</li> <li>iv. Rakaman Audio Temu Bual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. 6 Dokumen Kurikulum Bertulis Bahasa Mandarin III</li> <li>ii. Senarai Tarikh Penerimaan Jurnal</li> <li>iii. 9 Catatan Lapangan Kajian</li> <li>iv. 9 Rakaman Video Pemerhatian Kelas</li> <li>v. 36 Rakaman Audio Temu Bual</li> </ul>
4.	Persediaan untuk Menganalisis Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengembangkan Catatan Lapangan Kajian</li> <li>ii. Mentranskripsikan Rakaman Audio Temu Bual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengembangkan 9 Catatan Lapangan Kajian</li> <li>ii. 36 Transkripsi Rakaman Audio Temu Bual Secara verbatim</li> </ul>

5.	Menganalisis Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkategorikan Data dengan Menggunakan Nvivo 10</li> <li>ii. Menentukan Tema</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Fail Projek Nvivo</li> <li>ii. Tema dibentuk</li> <li>iii. Kategori dibentuk</li> </ul>
6.	Menulis Laporan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan Rangka Cerita</li> <li>ii. Menulis Tesis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Rangka Cerita</li> <li>ii. Laporan</li> </ul>